

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
SISTEM LATIHAN INDUSTRI
(ITS-UTM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JUN 2010 (version 1.1)

1.0 PENGENALAN

Latihan Industri yang dikendalikan oleh semua fakulti di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan komponen penting dalam kurikulum akademik yang perlu diuruskan bagi membolehkan setiap pelajar menghadiri latihan industri sebagai syarat wajib penganugerahan ijazah. UTM menyediakan sistem yang piawai untuk kegunaan semua fakulti bagi melancarkan urusan pemprosesan LI, bermula daripada permohonan penempatan LI sehinggalah kepada mendapat markah latihan daripada organisasi, untuk digabungkan dengan Sistem Akademik (AIMS2000). Sehubungan itu, bagi memudahkan tugas penyelarasan LI di setiap fakulti, satu sistem bersepadu berasaskan web diwujudkan memandangkan komponen ini merupakan sebahagian daripada keutamaan dalam kurikulum akademik universiti.

2.0 PROSEDUR & GARIS PANDUAN

Prosedur dan panduan berikut disediakan untuk memastikan sistem ITS-UTM dapat digunakan dengan berkesan:

1. Sistem ini sesuai digunakan pada browser Internet Explorer versi 7 dan ke atas atau Mozilla Firefox versi 3.x.
2. Sistem ini adalah sistem yang berasaskan web dan boleh berfungsi dengan lebih baik pada komputer peribadi yang mempunyai spesifikasi perkakasan berikut:
 - a. Pemproses - Intel Pentium 4 dan ke atas
 - b. Cakera Keras - 1GB dan ke atas
 - c. RAM - 512MB dan ke atas
 - d. Kelajuan internet - 100kbps
3. Sistem ITS-UTM hanya boleh digunakan oleh pengguna berdaftar sahaja. Kumpulan pengguna berdaftar terdiri daripada:
 - a. Pentadbir Sistem/Penyelaras LI,
 - b. AJK LI,
 - c. Penyelia Fakulti
 - d. Pelajar.

4. Setiap fakulti mesti melantik seorang Pentadbir Sistem (Penyelaras) yang bertanggungjawab untuk mengendalikan keseluruhan sistem ITS di peringkat fakulti.
5. Maklumat asas pelajar diperolehi daripada sistem AIMS 2000. Pengemaskinian maklumat asas pelajar hanya dilakukan menerusi sistem AIMS 2000, kecuali gambar pelajar, emel dan nombor telefon terkini pelajar.
6. Maklumat asas staf akademik diperolehi daripada sistem HR Universiti. Pengemaskinian maklumat asas staf akademik hanya dilakukan melalui sistem HR Universiti, kecuali gambar staf, emel dan nombor telefon terkini staf.
7. Maklumat mengenai sesi Latihan Industri dan maklumat pelajar yang akan menghadiri LI perlu dimasukkan ke dalam sistem pada satu semester sebelum LI bermula. Contoh, sekiranya pelajar akan menjalani LI pada Semester III Sesi 2009/2010, kemasukan maklumat dilakukan pada Semester II Sesi 2009/2010.
8. Kerani akademik fakulti mesti mengemaskini maklumat pelajar pada sistem AIMS 2000 lebih dahulu (iaitu maklumat yang diperlukan oleh sistem ITS-UTM), sebelum sistem tersebut digunakan oleh kerani LI fakulti. Maklumat penting yang mesti dikemaskini ialah bilangan kredit dapat, kredit pindah, PNGK, dan status 'P'.
 - a. Kredit pindah mesti dikemaskini ke dalam sistem AIMS2000 pada semester 1 pelajar berada di UTM.
 - b. Status "P" mesti diberikan kepada pelajar yang sedang dan telah menjalani LI. Sekiranya pelajar tarik diri, status "P" mesti dihapuskan daripada maklumat pelajar pada sistem AIMS2000.
9. Pelajar yang akan menjalani LI disyaratkan telah menjalani pengajian di UTM sekurang-kurangnya dua semester, dan telah memperolehi satu keputusan penuh peperiksaan pada semester sebelum LI dijalankan. Contoh, sekiranya pelajar akan menjalani LI pada Semester III Sesi 2009/2010, pelajar mesti telah memperolehi keputusan peperiksaan Semester I Sesi 2009/2010.

10. Pelajar yang akan menjalani LI mesti mendaftar kursus di sistem AIMS2000 pada tarikh pra-pendaftaran atau tarikh pendaftaran kursus yang ditetapkan oleh universiti. Sekiranya pelajar gagal berbuat demikian, beliau tidak layak untuk menjalani LI.
11. Maklumat syarikat dalam sistem ITS-UTM diselenggara secara berpusat. Oleh itu, penambahan maklumat baru dan pengemaskinian maklumat hanya dibenarkan kepada penyelaras LI fakulti. Penyelarasan maklumat syarikat di peringkat universiti perlu dilaksanakan dari masa ke semasa.
12. Pelajar hanya boleh memohon ke sebuah syarikat/organisasi sahaja pada satu masa. Untuk memohon syarikat yang lain, permohonan pertama perlu dibatalkan oleh AJK LI sebelum permohonan berikutnya dibenarkan.
13. Tempoh penggunaan sistem ITS-UTM adalah bergantung kepada kumpulan pengguna seperti berikut:

Kumpulan Pengguna	Tempoh
Pentadbir sistem/Penyelaras LI fakulti	Sepanjang tahun
AJK LI	Sepanjang tahun
Penyelia Fakulti	Sepanjang tahun
Pelajar	Mengikut tarikh pelajar mengikuti LI

14. Tempoh aktif sesi LI adalah sehingga satu semester selepas sesi LI berakhir. Selepas itu, maklumat sesi LI akan disimpan ke dalam arkib.